

Wadah



وأفكده

APRIL - JUN 2024

BILANGAN 87 | JILID 28

*Sambutan  
Hari Raya  
Aidilfitri*





# DASAR PENUBUHAN

YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

Menjadi Wadah Amal Jariah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah  
dan Ahli Keluarga Baginda.

Sebagai Tanda Pemedulian dan Kasih

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah  
kepada rakyat Baginda yang sentiasa taat setia  
kepada Baginda dan Kerajaan Baginda.

Menjadi Lambang Pembentukan dan Perpaduan Masyarakat  
dan Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur serta  
keharmonian umat manusia antarabangsa mengikut keadaan dan  
kesesuaian yang diredai oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.



**“** ... Beta gembira mengalu-alukan kehadiran penuntut-penuntut daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan yang dianggap mewakili semua rakan pelajar lain yang sama-sama terlibat melaksanakan aktiviti kesukarelawanan dan kemasyarakatan. Amatlah sesuai mereka ini diketengahkan sebagai peserta dalam sambutan tahun ini.

Beta difahamkan kebanyakan institusi pengajian tinggi tempatan telah menerapkan program insaniah dan kemasyarakatan dalam aktiviti kokurikulum pelajar bagi meningkatkan kecerdasan rohani dan fizikal pelajar. Inisiatif ini pada hemat Beta, adalah perlu untuk diteruskan dan dikembangluaskan lagi dalam menggalakkan dan membudayakan sikap prihatin dan pemedulian.

Pelaksanaan program insaniah dan kemasyarakatan ini hendaknya tidaklah terhad kepada satu bidang sahaja, iaitu program membantu golongan yang memerlukan yang sering kita dengar dan saksikan. Disana terdapat banyak lagi bidang yang perlu diteroka dan persembahkan, misalnya bidang keagamaan, keusahawanan, teknologi, kebudayaan, sukan dan alam sekitar.

Ini semua memerlukan adanya perpaduan dan semangat patriotisme dikalangan rakyat jelata, selaku tunjang ketahanan dan keutuhan negara.

Tahun demi tahun kita menyaksikan ribuan para graduan tempatan telah dilahirkan, sama ada melalui institusi-institusi pengajian tempatan mahupun luar negara. Negara sangatlah gembira dan berbangga memiliki generasi yang mampu menguasai pelbagai ilmu dan kemahiran.

Inilah antara hasrat Wawasan Brunei 2035 iaitu supaya negara berhasil melahirkan rakyat yang berpendidikan dan sekaligus berkemahiran tinggi. Jika ini benar-benar berhasil dicapai, maka itulah jawapan untuk merujuk kepada negara dan masyarakat 'maju' .... **”**

PETIKAN TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN

HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH

IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,

SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA HARI RAYA 'IDIL FITRI 1445H / 2024M ANJURAN YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

PADA 12 SYAWAL 1445 BERSAMAAN 24 APRIL 2024



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**“** ... Yayasan Paduka Ayahanda ini telah mencapai usia tiga dekad dan telahpun menempuhi beberapa fasa peningkatan dan perkembangan ke arah meningkatkan dan merangsang pembangunan sosio-ekonomi dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini, selaras dengan dasar dan matlamat asal penubuhannya.

*Pada dekad keempat penubuhannya, saya gembira mengetahui, Yayasan Paduka Ayahanda sedang giat melaksanakan Pelan Strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 2020-2025. Apa yang saya hasratkan ialah bagi Yayasan Paduka Ayahanda ini akan terus proaktif, kreatif dan adaptif dalam merencanakan dan melaksanakan projek dan program baharu yang lebih memberikan impak yang positif terhadap pembangunan sosio-ekonomi masyarakat ke arah mencapai matlamat bagi memperkasa 'Masyarakat Mandiri'...* **”**

PETIKAN SABDA

DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA 'ABDUL MALIK  
IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH,  
PENGERUSI JEMAAH TADBIR YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

SEMASA MESYUARAT JEMAAH TADBIR YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH KALI KE:1/2024  
PADA 5 SYAABAN 1445 BERSAMAAN 15 FEBRUARI 2024



DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA 'ABDUL MALIK  
IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH,  
PENGERUSI JEMAAH TADBIR YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH





# Jemaah Tadbir

(13 MAC 2023 – 06 JUN 2026)



## Pengerusi

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik  
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

## Timbalan Pengerusi 1

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris  
bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar  
*Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri*

## Timbalan Pengerusi 2

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned  
*Mufti Kerajaan, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri*

## Ahli-Ahli

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin  
bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman  
*Menteri Hal Ehwal Ugama*

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof  
*Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II*

# Lembaga Pengarah

(13 Mac 2023 – 06 Jun 2026)

## Pengerusi

**Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd Yussof**  
*Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II*

## Timbalan Pengerusi

**Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar**  
*Menteri Kesihatan*

## Abli-Ahli

**Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin**  
*Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan*

**Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh**  
*Menteri Pendidikan*

**Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad**  
*Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan*

**Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib**  
**(Bermula 7 Mei 2024)**  
*Peguan Negara*

**Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos**  
*Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri*

**Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu**  
*Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri*

**Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani**  
*Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal)*

**Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan**  
*Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama*

**Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim**  
*Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

**Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak**  
*Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan  
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

**Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Rosli bin Pehin Orang Kaya Shahbandar  
Dato Seri Paduka Haji Md Salleh (Bermula 7 Mei 2024)**  
*Timbalan Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

**Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman**  
*Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi*



**Jawatankuasa Pandu Skim Biasiswa “Sultan’s Scholar”  
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah**

**Pengerusi**

**Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar**  
*Menteri Kesihatan*

**Timbalan Pengerusi**

**Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh**  
*Menteri Pendidikan*

**Ahli-Ahli**

**Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunus**  
*Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri*



**Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan**  
*Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama*

**Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail**  
*Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri*

**Yang Mulia Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad**  
*Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan*

**Urus Setia**

**Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak**  
*Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan  
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*





## Lembaga Tadbir Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

### Pengerusi

**Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh**  
*Menteri Pendidikan*

### Timbalan Pengerusi

**Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu**  
*Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri*

### Ahli Ahli

**Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak**  
*Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan  
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

**Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin**  
*Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan*

**Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim**  
*Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

**Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman**  
*Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi*

**Yang Mulia Pengiran Datin Paduka Hajah Hairani binti Pengiran Maharaja Lela  
Pengiran Muda Abdul Kahar**

**Yang Mulia Pengiran Hira bin Pengiran Haji Mohd Omar**  
*Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

**Yang Mulia Dayang Sicuyati binti Haji Sulaiman**  
*Timbalan Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

### Setiausaha Bersama

**Yang Mulia Dayang Chong Li Chen**  
*Pengetua Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

**Yang Mulia Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi**  
*Pengetua Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*





## **Jawatankuasa Pelaburan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah**

### **Pengerusi**

**Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin**  
*Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan*

### **Timbalan Pengerusi**

**Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid**  
*Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi)*

### **Ahli-Ahli**

**Yang Mulia Awang Haji Sofian bin Mohammad Jani**  
*Pemangku Pengarah Urusan, Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi*

**Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman**  
*Penolong Pengarah Urusan, Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi*

**Yang Mulia Awang Mozart bin Haji Brahim**  
*Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Bursa Brunei Darussalam Sendirian Berhad*

**Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak**  
*Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan  
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

### **Urus Setia selaku Setiausaha**

**Yang Mulia Dayang Noor Zarina binti Haji Mohamed Salleh**  
*Pegawai Pelaburan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*





## **Jawatankuasa Meneliti Bantuan-Bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah**

### **Pengerusi**

**Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad**  
*Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan*

### **Timbalan Pengerusi**

**Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan**  
*Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama*

### **Ahli Ahli**

**Yang Mulia Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin**  
*Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi*

**Yang Mulia Awang Maswadi bin Haji Mohsin**  
*Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan*

**Yang Mulia Awang Abdul Walid bin Haji Matassan**  
*Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri*

**Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak**  
*Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan  
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

**Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin**  
*Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan*

**Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari**  
*Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

**Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim**  
*Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

**Yang Mulia Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit**  
*Pemangku Pengarah Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal,  
Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama*

### **Sekretariat**

**Yang Mulia Dayang Sufinah binti Haji Sulaiman**  
*Pemangku Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial)  
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

**Yang Mulia Pegawai-Pegawai di Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial,  
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah**





## Jawatankuasa Pandu Pelan Strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

### Timbalan Pengerusi

**Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd Riza bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos**  
*Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri*

### Ahli-Ahli

**Yang Mulia Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohamad**  
*Setiausaha Tetap (Wawasan), Jabatan Perdana Menteri*

**Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak**  
*Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan  
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

**Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin**  
*Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan*

**Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari**  
*Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

**Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim**  
*Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

**Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman**  
*Penolong Pengarah Urusan, Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi*

### Peneraju

**Yang Mulia Awang Abdullah @ Dollah bin Haji Ahad,**  
*Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Korporat) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

**Yang Mulia Dayang Sufinah binti Haji Sulaiman**  
*Pemangku Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial)  
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

**Yang Mulia Awang Samsudin bin Haji Puasa**  
*Pemangku Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Projek Khas) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*



**Yang Mulia Dayang Siti Afshah binti Abu Bakar**  
*Pegawai Kewangan Kanan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

**Yang Mulia Awang Fazlan bin Haji Othman**  
*Pengurus Umum, Wadah Amal Sendirian Berhad*

### Urus Setia

**Yang Mulia Pengiran Hajah Asiah binti Pengiran Haji Damit**  
*Pegawai Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
(Bahagian Pengurusan Data dan Sukarelawan, Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Sosial)*

**Yang Mulia Awang Muhammad Hibatul Hakimi bin Haji Suhaili**  
*Pegawai Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
(Bahagian Pengurusan Perumahan Kampung Bolkiah, Perkhidmatan Projek Khas)*



## Jawatankuasa Audit Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

### Pengerusi

**Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin**  
Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

### Timbalan Pengerusi

**Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad**  
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

### Ahli-Ahli

**Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu**  
Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri

**Yang Mulia Dayang Hajah Latifah binti Haji Mahmud**  
Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal II), Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**Yang Mulia Awang Azmilen bin Haji Ramlee**  
Pemangku Ketua Jabatan Audit Dalam, Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

### Urus Setia

**Yang Mulia Dr. Awang Muhammad Amiruddin bin Haji Abdullah**  
Juruaudit Dalam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

## Jawatankuasa Belanjawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

### Pengerusi

**Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani**  
Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal)

### Timbalan Pengerusi

**Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman**  
Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

### Ahli-Ahli

**Yang Mulia Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad**  
Setiausaha Tetap (Wawasan), Jabatan Perdana Menteri

**Yang Mulia Dayang Hajah Latifah binti Haji Mahmud**  
Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal II), Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**Yang Mulia Dayangku Sri Rohayani binti Pengiran Matarsat**  
Pemangku Pengarah Belanjawan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

### Urus Setia

**Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak**  
Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

**Yang Mulia Awang Abdullah @ Dollah bin Haji Ahad,**  
Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Korporat) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

**Yang Mulia Dayang Siti Afshah binti Abu Bakar**  
Pegawai Kewangan Kanan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

### Setiausaha

**Yang Mulia Ampuan Haji Saiful Rezal bin Ampuan Dato Paduka Haji Sabtu**  
Pegawai Kewangan (Belanjawan) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah





**Lembaga Tadbir Pusat Pengajian Kesenian Dan Kaligrafi Islam  
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah**

**Pengerusi**

**Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan**  
*Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama*

**Timbalan Pengerusi**

**Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak**  
*Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan  
selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

**Ahli-Ahli**

**Yang Mulia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal**  
*Rektor, Universiti Islam Sultan Sharif Ali*

**Yang Mulia Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani**  
*Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan*

**Yang Mulia Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Md Salleh**  
*Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama*

**Yang Mulia Dayang Salinah binti Haji Mohd Salleh**  
*Pemangku Pengarah Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan*

**Yang Mulia Dr. Haji Mohammad Hussain bin Pehin Penyurat Haji Awang Ahmad**  
*Pengarah Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jabatan Perdana Menteri*

**Yang Mulia Dayangku Azlina binti Pengiran Haji Ali**  
*Pemangku Pengarah Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*

**Yang Mulia Dayang Nik Hafimi binti Abdul Hadii**  
*APEC Business Advisory Council (ABAC) Brunei Chair and Executive Director of LVK Group of Companies*

**Setiausaha**

**Yang Mulia Awang Samsudin bin Haji Puasa**  
*Pemangku Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Projek Khas)  
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*

**Urus Setia**

**Yang Mulia Pegawai-Pegawai di Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam,  
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah**





## Lembaga Pengarah Wadah Amal Sendirian Berhad

### Pengerusi

**Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu**  
Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri

### Timbalan Pengerusi

**Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani**  
Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal)

### Ahli-Ahli



**Yang Mulia Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman**  
Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**Yang Mulia Dayangku Hajah Dewi Sarwani binti Pengiran Haji Sarpuddin**  
Pengurus Pelaburan Darussalam Assets Sendirian Berhad

**Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak**  
Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

### Setiausaha Korporat

**Yang Mulia Dayang Noor Zarina binti Haji Mohamed Salleh**  
Pegawai Pelaburan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah





# Kandungan

## 20 Berita Perdana

Membudayakan Belia Pemeduliaan dan Prihatin  
Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah Menampilkan  
Para Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Tempatan yang Aktif  
Melaksanakan Aktiviti Kesukarelawan dan Kemasyarakatan

## 34 Berita Utama

Seramai 1,035 orang Bakal Jemaah Haji 1445 Hijrah Menerima  
Junjung Ziarah dan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha  
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara  
Brunei Darussalam

## 36 Perutusan Tahniah Puja Usia

## 38 Ihsan

Program Ihsan Ramadan Menyantuni 150 Keluarga yang  
Memerlukan Bantuan di Seluruh Negara

Bantuan Segera Ringankan Beban Mangsa Bencana

Projek Kelas Tuisyen dan Projek Tahsin Program Intervensi  
Pendidikan

Aktiviti Amal Membersihkan Rumah Golongan Yang Memerlukan

## 48 Berita

Pelaksanaan Ibadah Korban bagi Pekerja dan Ahli Keluarga

Syarikat Wadah Amal Raikan Pencapaian Para Ibu

Program Pembangunan dan Dukungan bagi Para Sukarelawan

Rumah Terbuka Aidilfitri Eratkan Silaturrahim Usahawanan  
Bakarih Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Program Pembangunan Pekerja

Doa Selamat Bakal Jemaah Haji

Perlawanan Bola Sepak Persahabatan



## 59 DANA

Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang DANA –  
Penghargaan Terhadap Kecemerlangan Anak-Anak  
Yatim dalam Bidang Pelajaran

DANA Menghargai Sumbangan Ikhlas dan  
Berterusan daripada Para Penyumbang

## 68 Kegiatan PPKKI

Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam  
Terus Menjadi Destinasi Kunjungan Para Pelawat

## 70 Aktiviti Sekolah

Kemeriahan Suasana Hari Keluarga TASKA

Sukan Tahunan dan Olahraga Sekolah Rendah

Program 'Reef Fabricator'

## 73 PROMO

# Wadah **وَأَمَّا**

## PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B)  
Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd Yussof

## TIMBALAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

Yang Berhormat Dato Setia Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar

## AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH

### PEMANGKU PENGARAH URUSAN

Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak

### PENOLONG PENGARAH URUSAN

Yang Mulia Awang Abdullah @ Dollah bin Haji Ahad  
(Perkhidmatan Korporat)

### KETUA EDITOR

Yang Mulia Dayangku Azami binti Pengiran Haji Ahmad

### EDITOR

Yang Mulia Awang Kasyfil Aziz bin Haji Jumat  
Yang Mulia Pengiran Siti Norkarimah binti Pengiran Anak Haji Hashim  
Yang Mulia Awang Isaamuddin bin Mahsofidin  
Yang Mulia Pengiran Shah Rizal bin Pengiran Haji Mohd Said

### PENERBIT

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

### ATUR HURUF DAN REKA BENTUK

Nur Amalina binti Suhardy

### PENCETAK

**Borneo Printers & Trading Sdn Bhd**

[yshhb.org.bn](http://yshhb.org.bn)

 [Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah](https://www.facebook.com/yshhb)

 [yshhb\\_official](https://www.instagram.com/yshhb_official)

Majalah ini mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan hadiths - hadiths  
Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Harap maklum.

## “Membudayakan Belia Pemedulian Dan Prihatin”



“Membudayakan Belia Pemedulian dan Prihatin” telah dipilih sebagai tema bagi Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah kali ke-20 yang telah berlangsung pada 12 Syawal 1445 bersamaan 22 April 2024 yang lalu. Tema ini memfokuskan kepada dua nilai kemanusiaan yang murni dan halus iaitu ‘pemedulian’ dan ‘prihatin’ yang perlu untuk diperkasakan dan dibudayakan dalam setiap individu. Nilai kemanusiaan ini mampu membina karakter dan etika positif, kedayatahan diri, empati dan rasa tanggungjawab iaitu sikap yang diperlukan dalam membangun masyarakat dan negara yang aman dan berjaya.

Lebih signifikan lagi, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah menampilkan aset negara yang bernilai iaitu golongan belia dan para pelajar sebagai peserta pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri dalam mendukung tema berkenaan. Mereka adalah generasi penerus yang perlu menguasai kemahiran nilai-nilai kemanusiaan sebagai bekalan bagi memikul tanggungjawab menerajui kepimpinan masa depan bagi memacu pembangunan ugama, bangsa dan negara ke arah mendukung usaha dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Bagi membina kapasiti para belia secara holistik, Kerajaan di bawah kepimpinan bijaksana lagi berdaulat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara berterusan memberikan dan menyediakan program-program pembangunan kapasiti termasuk penerapan program-program jati diri dan latihan kemahiran yang bersesuaian dengan keperluan semasa. Usaha tersebut didukung penuh oleh pelbagai agensi termasuk Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dengan menggembelng tenaga dan menyumbang sumber dalam penyediaan program-program ke arah membangun dan memperkasakan para belia negara.

Dari sejak awal penubuhannya, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah menggariskan komitmen iaitu “mempertingkatkan penglibatan dan penyertaan belia dalam pembangunan masyarakat dan menyediakan skim bagi membantu belia yang memerlukan latihan kemahiran” di bawah lima objektif utama penubuhan sepertimana yang termaktub dalam Akta Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam bidang Kebajikan. Sehingga sekarang, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sama ada secara bersendirian mahu pun bekerjasama dengan agensi-agensi lain melalui pendekatan senegara terus menerus melaksanakan beberapa program pembangunan belia dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, kemahiran, keusahawanan, kesukarelawanan, kebudayaan, sukan dan seumpamanya.

Justeru, para belia sewajarnya peka akan tanggungjawab mereka terhadap bangsa, ugama dan negara dengan memanfaatkan setiap ruang dan peluang yang tersedia dengan meraih ilmu pengetahuan dan kemahiran termasuk kemahiran insaniah ‘*soft skill*’ sebaik mungkin. Para belia perlu mempersiapkan diri dengan semangat yang tinggi mendepani pelbagai cabaran global yang sukar diramal agar mampu mengadaptasi segala cabaran dengan bijak dan cekal.

Akhirnya, seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sentiasa berdoa kehadiran Allah Subhanahu wa Ta’ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam raja yang adil dan berdaulat yang dikasihi rakyat akan sentiasa dalam kandungan sihat wal’afiat, bahagia, dilanjutkan usia, dan terus kekal qarar memerintah di atas takhta singgahsana Kerajaan dan memimpin Negara Brunei Darussalam dengan penuh kedaulatan, kemakmuran, kesejahteraan dengan limpah rahmat, taufik dan hidayah Allah Subhanahu wa Ta’ala. Begitu juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan Ahli-ahli Kerabat Diraja.

**Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II  
selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

**Membudayakan Belia Pemedulian dan Prihatin  
- Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445 Hijrah  
Menampilkan Para Pelajar Institusi Pengajian Tinggi  
Tempatan yang Aktif Melaksanakan Aktiviti Kesukarelawan  
dan Kemasyarakatan**





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat bercemar duli ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1445H / 2024M anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Majlis yang diadakan pada 12 Syawal 1445 bersamaan 22 April 2024, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas adalah merupakan penganjuran kali ke-20 sejak majlis seumpama itu mula diadakan pada tahun 2003.

"MEMBUDAYAKAN BELIA PEMEDULIAN DAN PRIHATIN" telah dipilih sebagai tema pada tahun ini. Tema tersebut menitikberatkan keperluan untuk memupuk dan membudayakan sikap sukarelawan dan kemasyarakatan di kalangan para belia agar mempunyai semangat jati diri dan disiplin yang tinggi serta mempunyai nilai-nilai murni dan akhlak mulia sebagai anak Brunei yang bertanggungjawab dan tidak 'camah mata' dalam sama-sama membantu menangani isu-isu pembangunan sosial selari dengan pendekatan senegara yang mantap 'Whole of Nation Approach'.

Golongan belia yang diketengahkan sebagai peserta pada majlis tahun ini adalah terdiri daripada para penuntut daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan yang aktif melaksanakan aktiviti sukarelawan dan kemasyarakatan. Seramai 750 orang pelajar daripada 12 buah institusi pengajian tinggi tempatan yang bergiat aktif melaksanakan aktiviti dan program sukarelawan dan kemasyarakatan dalam bidang kebajikan, keagamaan, usahawanan, teknologi dan alam sekitar telah dijemput hadir sebagai peserta. Para penuntut adalah merupakan golongan belia yang berpendidikan yang merupakan aset bernilai negara yang bakal menerajui kepimpinan masa hadapan bagi memacu kemajuan pembangunan agama, bangsa dan negara. Mereka adalah harapan bangsa dan negara agar dapat memberikan contoh tauladan terbaik dan inspirasi kepada masyarakat umum. Turut sama ditampilkan sebagai peserta di majlis tersebut adalah para belia yang pernah menerima anugerah-anugerah kebangsaan dan serantau di bidang sukarelawan dan kemasyarakatan.





Acara kemuncak majlis ialah titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Baginda melahirkan rasa bangga terhadap penglibatan para belia dalam melaksanakan pelbagai inisiatif kesukarelawanan seperti membantu golongan yang memerlukan di negara sendiri sehingga ke luar negara, seperti mengumpulkan sumbangan dan pengendalian penghantaran ke bumi Palestin.

**“ Beta difahamkan kebanyakan institusi pengajian tinggi tempatan telah menerapkan program insaniah dan kemasyarakatan dalam aktiviti kokurikulum pelajar bagi meningkatkan kecerdasan rohani dan fizikal pelajar. Inisiatif ini pada hemat Beta, adalah perlu untuk diteruskan dan dikembangluaskan lagi dalam menggalakkan dan membudayakan sikap prihatin dan pemedulian.**

**Pelaksanaan program insaniah dan kemasyarakatan ini hendaknya tidaklah terhad kepada satu bidang sahaja, iaitu program membantu golongan yang memerlukan yang sering kita dengar dan saksikan.**

**Disana terdapat banyak lagi bidang yang perlu diteroka dan perembangkan, misalnya bidang keagamaan, keusahawanan, teknologi, kebudayaan, sukan dan alam sekitar.** ”



Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bersempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri/Anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (12 Syawal 1445 / 22 April 2024)

## **Sabda Inspirasi Paduka-Paduka Anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

Penglibatan aktif Paduka-Paduka Anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam program-program kesukarelawanan dan kemasyarakatan sememangnya memberikan inspirasi dan contoh tauladan terbaik kepada golongan muda belia di negara ini.

**“  
Memupuk generasi belia yang pemeduli dan prihatin adalah penting untuk masa depan negara kita. Empati, belas kasihan dan rasa tanggungjawab mereka akan membentuk hari esok yang lebih cerah bagi Negara Brunei Darussalam.  
”**



**“  
Belia memainkan peranan penting dalam membentuk masyarakat kita. Belia yang pemeduli dan prihatin ditakrifkan oleh kesediaan mereka untuk memahami, menyokong, dan menaikkan semangat orang lain, mewujudkan komuniti yang dibina atas empati dan perpaduan.  
”**

**“  
Disiplin adalah satu laluan bagi membina kejayaan diri. Ia membina karakter, kedayatahan diri, dan rasa hormat. Ia terus mengajar kamu akan kepentingan integriti dan akauntabiliti. Kepada semua belia, selaku pemimpin masa depan, adalah penting sekali untuk belia bekerjasama, saling membantu, dan menggalakkan satu sama lain, bagi mencapai kejayaan.  
”**





Video khas bertajuk “Membangun Generasi Pemimpin: Membudayakan Belia Pemeduliaan Dan Prihatin” ditayangkan semasa majlis yang antara lain memaparkan penglibatan aktif para pelajar institusi pengajian tinggi tempatan dalam mengusahakan pelbagai aktiviti kesukarelawanan dan kemasyarakatan. Video tersebut juga memuatkan segmen khas iaitu kurnia sabda Paduka-Paduka Anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang membawa mesej inspirasi kepada para golongan belia untuk mengambil peranan dalam apa jua program kesukarelawanan dan kemasyarakatan.

Aturcara Majlis diserikan dengan acara persembahan pentas yang disertai oleh seramai 165 orang pelajar Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah iaitu gabungan pelajar dari taman asuhan sehingga peringkat menengah atas.

Bersesuaian dengan tema yang diketengahkan dalam sambutan pada tahun ini, pameran disertai oleh sebanyak 12 buah institusi pengajian tinggi tempatan yang mempamerkan beberapa program kesukarelawanan dan kemasyarakatan yang dikendalikan oleh para pelajar di institusi masing-masing.

Acara yang sememangnya dinanti-nantikan oleh para peserta dan para jemputan adalah acara ramah mesra dan junjung ziarah kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berserta Ahli-Ahli Kerabat Diraja.

Ahli-ahli kerabat diraja yang turut berangkat sama di majlis tersebut ialah Paduka-Paduka Anakanda dan Adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda ‘Abdul Malik, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda ‘Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam; Yang Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa’adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Acara ramah mesra dan junjung ziarah tersebut memberikan peluang keemasan kepada para peserta dan para jemputan untuk bersua muka dan beramah mesra dengan raja yang sangat dikasihi dan disanjung tinggi.







Majlis diserikan dengan beberapa persembahan pentas daripada para pelajar Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (gabungan daripada kanak-kanak Taman Asuhan Kanak-Kanak, murid-murid Sekolah Rendah dan penuntut-penuntut Sekolah Menengah)











Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berserta Kerabat Diraja berkenan beramah mesra dengan semua peserta yang hadir yang setentunya memberi inspirasi dan perangsang kepada mereka dalam melaksanakan peranan masing-masing.





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Ahli-Ahli Kerabat Diraja berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jemaah Tadbir dan lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah



**Seramai 1,035 orang Bakal Jemaah Haji 1445 Hijrah  
Menerima Junjung Ziarah dan Kurnia Peribadi  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan  
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**





Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menerima junjung ziarah daripada seramai 1035 orang bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam bagi musim haji 1445 Hijrah / 2024 Masihi pada 30 Zulkaedah 1445 bersamaan 9 Mei 2024 di Istana Nurul Iman. Turut berangkat ke Majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Di majlis tersebut bakal-bakal jemaah haji juga menerima kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam bentuk pakaian ihram dan telekung. Seramai 485 orang bakal jemaah haji lelaki menerima kurnia pakaian ihram manakala seramai 550 orang bakal jemaah haji wanita menerima kurnia telekung.

Pengendalian pembelian dan pembahagian pakaian ihram dan telekung kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada semua bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam merupakan projek tahunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.





## *Sembah Kesyukuran Sempena Hari Ulang Tahun Usia*

Mengadap Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

### *Beribu Ampun,*

Dengan penuh hormat dan takzim dan dengan perasaan tulus ikhlas Ahli-ahli Jemaah Tadbir dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah serta seluruh pegawai dan kakitangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menjunjung beribu ampun menyembahkan sembah ucapan kesyukuran dan setinggi-tinggi tahniah Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sempena Hari Puja Usia yang ke Empat Puluh Satu tahun pada hari Ahad 23 Zulhijjah 1445 Hijrah bersamaan 30 Jun 2024 Masihi.

Semoga Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berada dalam kandungan sihat wal'afiat dan dilanjutkan usia serta mendapat limpah rahmat, taufik dan hidayah Allah Subhanahu wa Ta'ala. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

# دُعَاءُ قُرْبَانِ أَوْسِيَا

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اللَّهُمَّ يَا عَلِيُّ يَا عَظِيمُ يَا عَلِيمُ يَا حَبِيرُ،  
أَكْرِمْ دُولِي يَقْتَرَأُ مِلْيَا قَادِكِ سِرِي قُغَيْرَانِ مودا عبد الملك ابن  
كباوه دُولِي يَغْمَهَا مِلْيَا قَادِكِ سِرِي بَكُنْدَا  
سلطان حاج حسن البلقية معزالدين والدولة  
وَأَرْحَمَهُ بِالصِّحَّةِ وَالْعَافِيَةِ وَبَارِكْ لَهُ بِالنَّشَاطِ لِمُسَاعَدَةِ وَالِدِهِ  
كباوه دُولِي يَغْمَهَا مِلْيَا قَادِكِ سِرِي بَكُنْدَا  
سلطان حاج حسن البلقية معزالدين والدولة  
فِي إِنْهَاضِ الْبِلَادِ وَالْأُمَّةِ، وَأَجْعَلِ الْأَعْوَامَ الْمُقْبِلَةَ  
مِنْ أَعْمَارِهِ دَائِرَةً عَلَيْهَا بِالثَّبَاتِ عَلَى دِينِكَ،  
وَالْإِقْبَالَ عَلَى خِدْمَتِكَ، وَأَحْفَظْهُ مِنْ شَرِّ الْأَشْرَارِ طَوَالَ عُمْرِهِ  
بِجَلَالِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

“Ya Allah! Tuhan yang mempunyai ketinggian dan kebesaran yang tiada bandingnya, Yang Maha Mengetahui Lagi Yang Maha Berkebolehan, kami pohonkan Ya Allah supaya Tuhan kami kurniakan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda ‘Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah kemuliaan dan rahmat, sihat serta afiat dan berkatilah Duli Yang Teramat Mulia itu pada membantu ayahndanya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah dengan kecergasan dalam membangunkan negara dan umat. Lanjutkanlah usia Duli Yang Teramat Mulia dengan menjadikan tahun-tahun mendatang usianya tetap lagi mantap pada landasan ajaranMu Ya Allah, dan peliharalah Duli Yang Teramat Mulia itu sepanjang hayatnya daripada angkara orang-orang jahat. Semuanya kami pohonkan dengan berkat kebesaran dan kemuliaanMu jua Ya Allah.”



# Program Ihsan Ramadan Menyantuni 150 Keluarga yang Memerlukan Bantuan di Seluruh Negara





Program Ihsan Ramadan dilaksanakan sejajar dengan matlamat strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam mengimbangi pemedulian terhadap keperluan asasi golongan yang memerlukan.

Program bantuan tahunan ini dilaksanakan pada setiap bulan Ramadan iaitu bertujuan membantu meringankan perbelanjaan golongan yang kurang berkemampuan dalam menyediakan keperluan keluarga di bulan Ramadan agar dapat menjalankan ibadah puasa dengan sempurna. Selain itu, bantuan tersebut juga dihasratkan memberikan keceriaan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri nanti.

Program Ihsan bagi bulan Ramadan tahun ini, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah menyantuni sebanyak 150 buah keluarga yang terdiri daripada warga emas, ibu tunggal dan keluarga kurang berkemampuan dengan menghulurkan sumbangan berbentuk kewangan dan makanan dan sebahagiannya juga menerima keperluan perubatan.

Penyampaian sumbangan bantuan melalui Program Ihsan Ramadan dikendalikan secara serentak ke rumah-rumah penerima di beberapa buah kampung di keempat-empat daerah pada 26 Ramadan 1444 bersamaan 17 April 2022.

Sebanyak 90 buah keluarga di Daerah Brunei dan Muara telah menerima sumbangan bantuan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.





Sumbangan bantuan kepada 20 buah keluarga di Daerah Belait telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, Menteri Kesihatan selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Menteri Sumber-sumber Utama dan Pelancongan selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menyampaikan sumbangan bantuan kepada 20 buah keluarga di Daerah Tutong. Manakala Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh, Menteri Pendidikan selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pula menyampaikan sumbangan bantuan kepada sebanyak 20 buah keluarga di Daerah Temburong.





*Brunei Muara*



*Temburong*



*Brunei Muara*



*Tutong*



*Belait*

## Bantuan Segera Ringankan Beban Mangsa Bencana



Kebajikan dan kesejahteraan mangsa bencana sentiasa menerima perhatian daripada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Bantuan segera dalam bentuk kewangan dihulurkan bagi membantu meringankan beban mereka untuk kembali menjalani kehidupan seharian. Bantuan ini adalah sejajar dengan matlamat strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi mengimbangi keperluan asasi golongan yang memerlukan, termasuk mangsa bencana.

Pada 21 Zulkaedah 1445 bersamaan 30 Mei 2024, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menyampaikan sumbangan kewangan keseluruhannya berjumlah BND84,600.00 kepada 28 buah keluarga yang terlibat dalam bencana di beberapa buah kampung seluruh negara. Majlis penyampaian sumbangan telah diadakan di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sumbangan daripada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah kepada mangsa kebakaran telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Manakala sumbangan daripada Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah kepada mangsa rumah roboh disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-Bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.





## Projek Kelas Tuisyen dan Projek Tahsin Program Intervensi Pendidikan

Perlaksanaan Program Intervensi Pendidikan (PIP) merupakan salah satu inisiatif Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam membantu meningkatkan pencapaian pendidikan para pelajar dari golongan yang kurang berkemampuan iaitu sejajar dengan salah satu matlamat strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah iaitu Mendukung Pencapaian Pendidikan yang Berkualiti dan Saksama.

Projek Kelas Tuisyen dan Projek Tahsin Al-Quran & Amali Ugama merupakan antara projek yang dikendalikan secara serentak di bawah Program Intervensi Pendidikan (PIP) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Melalui projek tersebut, para pelajar berpeluang mengikuti kelas tuisyen secara intensif dengan percuma pada setiap hari Ahad di pusat-pusat kelas tuisyen PIP yang telah dikenalpasti.

Golongan sasaran bagi Projek Kelas Tuisyen dan Projek Tahsin Al-Quran & Amali Ugama PIP adalah terdiri daripada anak-anak dari kalangan keluarga yang kurang berkemampuan dan anak-anak yang mempunyai pencapaian yang lemah dalam pelajaran dan memerlukan bimbingan bagi memperbaiki pencapaian pelajaran.

Pada tahun ini, seramai 450 orang pelajar telah dikenal pasti dan terpilih untuk menyertai kelas tuisyen dan tahsin PIP di lapan buah pusat di seluruh negara. Para pelajar yang dipilih adalah terdiri daripada para pelajar yang akan menduduki peperiksaan awam, iaitu peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dan peperiksaan BC GCE 'O' Level dan peperiksaan Sijil Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).





**259 Pelajar**

**Brunei dan Muara**

Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah,  
Sekolah Rendah Mulaut, Sengkurong,  
Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar,  
Sungai Kebun

**61 Pelajar**

**Tutong**

Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran  
Anak Saleha (RIPAS)  
Pusat Tingkatan Enam, Tutong

**54 Pelajar**

**Belait**

Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala  
Belait  
Maktab Anthony Abell, Seria

**76 Pelajar**

**Temburong**

Sekolah Rendah Rataie, Bokok





Projek kelas tuisyen dan tahsin PIP diadakan pada setiap hari Ahad dan akan berjalan selama 18 minggu iaitu bermula 26 Syawal 1445 bersamaan 5 Mei 2024 sehingga 25 Rabiulawal 1446 bersamaan 29 September 2024 iaitu sebelum bermulanya peperiksaan pada bulan Oktober 2024.

Mata pelajaran yang diajar dalam kelas tuisyen PIP ialah Bahasa Melayu, Matematik, Bahasa Inggeris dan Sains bagi pelajar tahun 5 dan tahun 6; dan Bahasa Melayu, Matematik 'D', Bahasa Inggeris dan *Combined Science* bagi pelajar tahun 10 dan tahun 11. Manakala mata pelajaran bagi projek Tahsin PIP pula adalah mata pelajaran Al-Quran dan Amali agama iaitu untuk para pelajar darjah 5 dan 6 sesi Sekolah Rendah Ugama.

Projek Kelas Tuisyen dan Projek Tahsin Al-Quran & Amali Ugama PIP dijayakan oleh seramai 147 orang sukarelawan yang menyumbangkan khidmat bakti mereka selaku tenaga pengajar dan juga pengawas. Projek tersebut juga dikendalikan dengan kerjasama Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan manakala bagi Projek Tahsin Al-Quran dan Amali Ugama dikendalikan dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Bagi menjayakan Projek Kelas Tuisyen dan Projek Tahsin Al-Quran & Amali Ugama, penglibatan dan sokongan padu daripada para ibu bapa untuk terus memberikan motivasi kepada anak-anak adalah amat diperlukan. Bagi tujuan tersebut, satu sesi taklimat bersama para ibu bapa pelajar terlibat telah diadakan secara serentak di semua pusat pada 23 Syawal 1444 bersamaan 14 Mei 2023.



#### Tahun 5

#### PSR - Tahun 6

BAHASA MELAYU  
MATEMATIK  
BAHASA INGGERIS  
SAINS

#### Tahun 10

#### BC GCE 'O' LEVEL - Tahun 11

BAHASA MELAYU  
MATEMATIK 'D'  
BAHASA INGGERIS  
COMBINED SCIENCE

#### Darjah 5 & 6

#### Sekolah Ugama

AL-QURAN  
AMALI AGAMA



# Aktiviti Amal Membersihkan Rumah Golongan yang Memerlukan

Pada 15 Zulhijjah 1445 bersamaan 22 Jun 2024, seramai 20 orang tenaga kerja dan ahli sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di bawah Projek Bantuan Kemasyarakatan dan Kecemasan (PBKK) telah mengadakan kerja-kerja kemasyarakatan membersihkan kediaman Awang Kamarulzaman bin Amidon di Penempatan Sementara Kompleks Rumah Kebajikan Kampong, Subok.

Awang Kamarulzaman adalah pesakit yang masih menerima rawatan dari Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC). Kerja-kerja pembersihan yang turut disertai oleh pegawai-pegawai dari unit kebajikan dan kemasyarakatan PJSC bertujuan bagi memastikan tempat kediaman Awang Kamarulzaman bersih dan selamat bagi membolehkan beliau menjalani rawatan pemulihan di kediamannya dengan selesa.

Bagi memedulikan kebajikan dan kesejahteraan beliau, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah juga menyampaikan sumbangan dalam bentuk makanan asasi dan peralatan keperluan pesakit.



## Pelaksanaan Ibadah Korban bagi Pekerja dan Ahli Keluarga

Sempena sambutan Hari Raya Aidiladha 1445 Hijrah, Badan Kebajikan Pekerja (BKP) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah melalui bahagian Keagamaan telah menganjurkan pengurusan ibadah korban yang merupakan salah satu aktiviti tahunan BKP.

Seramai 56 orang pekerja Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan ahli keluarga menyertai ibadah korban bagi tahun 1445 Hijrah. Sebanyak lapan ekor kerbau disembelih sebagai korban. Pengendalian ibadah korban dan pengagihan daging-daging korban telah diadakan pada 13 Zulhijjah 1445 bersamaan 20 Jun 2024.

Sesuai dengan hikmah dan kelebihan ibadah korban iaitu bagi memupuk sikap pemedulian dan keprihatinan terhadap masyarakat di samping dapat mengeratkan tali persaudaraan sesama muslim melalui pengagihan daging-daging korban tersebut, BKP juga mengendalikan khidmat pengagihan daging-daging korban. Satu pertiga (1/3) isi daging korban tersebut telah diagihkan kepada golongan fakir dan miskin di beberapa buah kampung yang telah dikenal-pasti iaitu Kampung Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B' di Daerah Brunei Muara; dan Kampung Rambai, Kampung Benutan, Kampung Long Mayan dan Kampung Bukit di Daerah Tutong. Selain itu para pegawai dan kakitangan juga menerima agihan daging-daging korban tersebut.

Kita berdoa semoga segala amal kebajikan dan ibadah serta ibadah korban yang telah kita lakukan akan diterima dan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala.





## *Syarikat Wadah Amal Raikan Pencapaian Para Ibu*



Ibu sering dikaitkan sebagai lambang kekuatan, cinta, kasih sayang, kebijaksanaan, galakan dan pengorbanan. Malah wanita yang bergelar ibu mempunyai peranan penting dalam membentuk masyarakat.

Justeru, dalam menghargai peranan dan sumbangan para ibu, Syarikat Wadah Amal Sendirian Berhad telah menganjurkan acara Hari Penghargaan Para Ibu dengan tema "Love Grows Wherever She Goes" iaitu sebagai salah satu program tanggungjawab sosial korporat syarikat berkenaan.



Dalam acara tersebut seramai 10 orang ibu dari golongan keluarga yang memerlukan di Kampung Bolkliah telah dipilih untuk diraikan. Pemilihan adalah berdasarkan kepada pencapaian yang mereka capai dalam mengharungi cabaran demi membangun keluarga. Acara dihasratkan dapat memberikan sokongan dan galakan kepada para ibu yang diraikan untuk terus berjuang dan fokus membina masa depan yang lebih baik bagi diri sendiri dan keluarga.

Pelbagai aktiviti menarik dan petak jualan diadakan sempena acara tersebut yang dibukakan pada orang ramai. Acara diadakan pada 1 Zulkaedah 1445 bersamaan 10 Mei 2024 di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkliah. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkliah yang juga selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Wadah Amal Sendirian Berhad. Turut hadir ialah Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkliah.



## Program Pembangunan dan Dukungan bagi Para Sukarelawan

Dalam memberikan penghargaan kepada sumbangan khidmat bakti para sukarelawan, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah terus mengadakan beberapa program pembangunan dan dukungan kepada para sukarelawan bagi mempertingkatkan kecekapan dalam melaksanakan program-program amal Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

### Persidangan Kemanusiaan Antarabangsa 2024

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah memilih seramai dua orang sukarelawan yang aktif di bawah Projek Bantuan Kecemasan untuk mengikuti persidangan antarabangsa "*International Humanitarian Conference 2024*" yang berlangsung selama dua hari di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur bermula pada 18 Zulkaedah 1445 bersamaan 27 Mei 2024. Turut serta dalam persidangan ini ialah seorang pegawai di Bahagian Perkhidmatan Kebajikan dan Perkembangan Sosial selaku Pegawai Pengiring.

Persidangan tersebut menyediakan platform untuk membahas tantangan terkini yang dihadapi dalam bidang pengurusan program kemanusiaan termasuk perbincangan mengenai tatacara dan strategi pencegahan dan pemulihan pasca krisis.

Penyertaan dalam persidangan tersebut dihasratkan bagi mempertingkatkan pengetahuan para sukarelawan dalam pengendalian program kemanusiaan dengan lebih efisien.



## Majlis Takreem Al-Quran Sempena Bulan Ramadan

Bersempena bulan Ramadan, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah menganjurkan Majlis Takreem Al-Quran khusus bagi para sukarelawan. Seramai 30 orang sukarelawan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menghadirkan diri di Majlis berkenaan yang diadakan pada 25 Ramadan 1445 bersamaan 5 April 2024 di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat Majlis ialah Yang Mulia Awang Abdullah bin Haji Ahad, Penolong Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Bahagian Perkhidmatan Korporat).





## Rumah Terbuka Aidilfitri Eratkan Silaturrahim Usahawan Bakariah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah secara berterusan memberikan sokongan kepada para penerima bantuan modal di bawah Skim Pembiayaan Kebajikan yang dikenali dengan Usahawan Bakariah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Bukan terhad kepada bantuan modal perniagaan dan bengkel keusahawanan sahaja, mereka terus dipandu, dipantau dan dibantu agar terus berkembang mengukuhkan portfolio perniagaan dan meluaskan rangkaian pasaran produk masing-masing.

Sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah menyediakan ruang secara percuma bagi para Usahawan Bakariah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menganjurkan rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan. Acara tersebut diadakan pada 1 Zulkaedah 1445 bersamaan 10 Mei 2024. Sebanyak 20 Usahawan Bakariah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang mengusahakan perniagaan sajian dan makanan turut serta menghidangkan pelbagai bentuk hidangan yang lazat dan 'signature dish' masing-masing di acara tersebut. Hidangan tersebut mereka sediakan dengan percuma dan boleh dinikmati oleh tetamu yang datang sebagai penghargaan atas sokongan yang mereka berikan dalam memajukan perusahaan.

Acara ini dihasratkan bagi mengukuhkan silaturrahim di antara sesama Usahawan Bakariah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah itu sendiri serta keluarga masing-masing. Acara ini juga memberikan ruang suai kenal bersama pegawai dan kakitangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan agensi-agensi yang merupakan rakan strategik Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang terlibat dalam membantu, membimbing dan memantau perkembangan perniagaan Usahawan Bakariah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah seperti Shell LiveWIRE Brunei, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Darussalam Enterprise (DARE), Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB).







## Program Pembangunan Pekerja

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah adalah sebuah badan amal yang terlibat secara langsung dalam memberikan khidmat dan bantuan kepada masyarakat. Kesejahteraan dan produktiviti tenaga kerja adalah antara faktor penting dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkesan.

Dalam menyediakan peluang pembelajaran dan pembangunan yang dinamik secara berterusan, Unit Latihan dan Perkembangan di Bahagian Pentadbiran dan Sumber Tenaga Manusia telah menganjurkan beberapa bengkel asas kepada 17 orang kakitangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah. Kesemua bengkel tersebut iaitu Bengkel Perkeranian Asas, Bengkel Pembangunan Diri dan Bengkel Penggunaan Komputer dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri.

Majlis Penyampaian Sijil Penamatan Kursus telah diadakan pada 26 Syawal 1445 bersamaan 6 Mei 2024 di Ibu Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah di Jalan Perdana Menteri. Sijil-sijil disampaikan oleh Yang Mulia Awang Abdullah bin Haji Ahad, Penolong Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah (Bahagian Perkhidmatan Korporat).



INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM  
CIVIL SERVICE INSTITUTE



## Doa Selamat Bakal Jemaah Haji

Seramai enam orang tenaga kerja Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang akan menunaikan fardhu haji pada musim haji tahun 1445 Hijrah diraikan dalam Majlis Doa Selamat yang diadakan pada 8 Zulkaedah 1445 bersamaan 17 Mei 2024 di Ibu Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Perdana Menteri.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sumbangan kepada bakal jemaah haji ialah Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Doa dipanjatkan kehadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga kesemua bakal jemaah haji mendapat kesejahteraan dan keselamatan serta memperolehi haji yang mabrur.





## Perlawanan Bola Sepak Persahabatan

Minda yang cerdas dan fizikal yang cergas merupakan faktor yang penting bagi mencapai keseimbangan hidup-kerja (*work-life balance*) yang sihat. Setiap pekerja perlu memberikan perhatian terhadap keseimbangan bagi mewujudkan kehidupan yang lebih harmoni dan sihat secara menyeluruh. Penganjuran aktiviti sukan merupakan antara cara bagi menggalakkan cara hidup yang sihat.

Badan Kebajikan Pekerja (BKP) Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah melalui bahagian Sukan telah menganjurkan perlawanan bola sepak persahabatan bersama Curtin University cawangan Miri, Sarawak. Perlawanan berlangsung pada 10 Zulkaedah 1445 bersamaan 19 Mei 2024 di Kompleks Sukan Curtin University, Miri, Serawak.

Walaupun perlawanan berkesudahan dengan kemenangan berpihak kepada pihak lawan dengan jaringan (9) gol pasukan Curtin University dan (5) gol pasukan BKP. Namun pujian harus diberikan kepada semua pemain dengan mempamerkan semangat setia kawan dalam pasukan.

Selain bertujuan untuk mengasah potensi pekerja dalam acara sukan bola sepak, pertemuan tersebut juga dihasratkan bagi menjalin hubungan silaturahim dan kerjasama antara kedua pihak dalam bidang-bidang yang berkepentingan.



# Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang DANA

## Penghargaan Terhadap Kecemerlangan Anak-Anak Yatim dalam Bidang Pelajaran

Seramai 15 orang pelajar yang terdiri daripada anak yatim yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan awam tahun 2023 telah terpilih untuk menerima Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim 2024 (AIPC-DANA 2024).

AIPC-DANA bertujuan bagi memberikan penghargaan terhadap pencapaian cemerlang anak-anak yatim dalam bidang pengajian. Pemberian AIPC-DANA dihasratkan dapat menjadi pendorong dan penyuntik semangat kepada anak-anak yatim untuk menghargai kepentingan pendidikan dan seterusnya mempertingkatkan usaha untuk terus meraih kejayaan dalam apa jua bidang pada masa akan datang.

Majlis Penyampaian Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim 2024 (AIPC-DANA 2024) diadakan pada 6 Zulhijjah 1445 bersamaan 13 Jun 2024, di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil dan cenderamata penghargaan AIPC-DANA ialah Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim.



Pelajar-pelajar cemerlang yang menerima AIPC-DANA 2024 adalah seperti yang berikut:

### Peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'O' Level

Seramai lima orang anak yatim menerima AIPC-DANA 2024 bagi Peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'O' Level. Mereka ialah Dayang Lim Wei Qin, Awangku Farid Haziq bin Pengiran Haji Salim, Dayang Nurul Aqilah Al Syakirah binti Haji Awang Jefri Alsals, Awang Mohammad Muqri Moazzam bin Abdul Rahim, dan Dayang Nurul Alyssa Atailah @ Alyssa Vatsaloo binti Emran. Mereka menerima insentif berupa sebuah sijil penghargaan, satu unit komputer berserta mesin pencetak dan pakej kemudahan belajar selama dua tahun dalam bentuk wang tunai bernilai BND760.00.

### Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR)

Seramai lima orang anak yatim menerima AIPC-DANA 2024 bagi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR). Mereka ialah Awang Muhammad Ameer Hakeem bin Awang Muhammad Shukrie, Awang Alfa Danish bin Abdurrafi, Awang Muhammad Abdul Malik Zaafarani bin Abdullah, Awang Mohamad Waie Zhafran bin Mohamad Fauzi, dan Dayang Sharifah Ameerah Arissa binti Syed Mahazir. Setiap seorang menerima sebuah sijil penghargaan, satu unit komputer berserta mesin pencetak dan juga pakej kemudahan belajar selama dua tahun dalam bentuk wang tunai bernilai BND400.00.





**Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah 6 (SSSRU)**

Seramai lima orang anak yatim menerima AIPC-DANA 2024 bagi Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah 6 (SSSRU). Mereka ialah Dayang Nurin Batrisyia Zahraa' binti Abdullah, Dayang Nur Hasinah binti Lama, Dayang Siti Nurmu'tazzah binti Abdullah Muhammad Nur Azro Azharuddin, Awang Muhammad Iqbal Asmawi bin Muhammad Kamarul Hazim, dan Awang Mohammad Syukri bin Abdullah. Setiap seorang menerima sebuah sijil penghargaan, satu unit komputer berserta mesin pencetak dan juga wang simpanan sebanyak BND500.00 yang dikreditkan terus ke Akaun DANA masing-masing di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei.

Pemberian AIPC-DANA adalah selaras dengan tujuan penubuhan DANA, iaitu bagi membantu anak-anak yatim mendapatkan asuhan, pimpinan dan pendidikan bagi menjadikan mereka sebagai warganegara yang berguna.

**Penerima Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-Anak Yatim AIPC-DANA 2024 bagi Peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'O' Level**



**Penerima AIPC-DANA bagi Peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'O' Level**

**Lim Wei Qin**  
St. Andrew's School

“Bekerja keras dan jangan berputus asa dalam menuju kejayaan.”



**Penerima AIPC-DANA bagi Peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'O' Level**

**Awangku Farid Haziq bin Pengiran Haji Salim**  
Maktab Sains PSBS

“Perjalanan menuju kejayaan itu bukan sesuatu yang mudah, namun kita harus tetap berusaha kerana usaha adalah tangga kejayaan.”



**Penerima AIPC-DANA bagi Peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'O' Level**

**Nurul Aqilah Al Syakirah binti Haji Awang Jefri Alsals**  
Sekolah Menengah PAP Hj Rasyidah

“Ingat peraturan 1%, kita tidak boleh menjadi sempurna dan membaca segala-galanya pada setiap masa tetapi kita boleh melakukan sedikit usaha setiap hari daripada tidak sama sekali. Lebih baik terlambat daripada tidak pernah mereka katakan.”



**Penerima AIPC-DANA bagi Peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'O' Level**

**Muhammad Muqri Moazzam bin Abdul Rahim**  
Sekolah Menengah Sultan Hassan

“Jadilah penuntut yang berdikari dan berinovatif dalam pembelajaran. Sentiasa mengingati segala pengorbanan kedua ibu bapa kita agar anak-anak dapat memperolehi kejayaan dan masa depan yang cerah. Jadilah anak yang berbakti kepada kedua orang tuanya.”



**Penerima AIPC-DANA bagi Peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'O' Level**

**Nurul Alyssa Atailah @ Alyssa Vatsaloo binti Emran**  
Sekolah Menengah Berakas

“Teruskan berusaha dalam pembelajaran supaya impian-impian tercapai, walaupun pada masa sekarang kelihatan susah. Sentiasa bertabah hati dan jangan putus asa.”

Setiap seorang menerima sijil penghargaan, seunit komputer berserta mesin pencetak, dan juga pakej kemudahan belajar selama dua tahun dalam bentuk wang tunai bernilai BND760.00.



## Penerima AIPC-DANA 2024 bagi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR)



### Penerima AIPC-DANA bagi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR)

**Muhammad Ameer Hakeem bin Awang Muhammad Shukrie**  
Seri Mulia Sarjana School

“ Jangan berputus asa, walaupun menghadapi apa-apa cabaran.



### Penerima AIPC-DANA bagi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR)

**Alfa Danish bin Abdurrafi**  
St. Andrew's School

“ Jangan pernah berputus asa walau sesukar mana. Sentiasa bertanya soalan untuk kefahaman sendiri, sesungguhnya ianya tidak merugikan.



### Penerima AIPC-DANA bagi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR)

**Muhammad Abdul Malik Zaafarani bin Abdullah**  
Sekolah Rendah Tungku

“ Pembelajaran adalah penting kerana ia memberi kita ilmu yang boleh kita gunakan dalam kehidupan seharian. Walaupun belajar dan membuat ulangkaji adalah sukar, tetapi ia berbaloi dengan perjuangan.



### Penerima AIPC-DANA bagi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR)

**Mohamad Waie Zhafran bin Mohamad Fauzi**  
Sekolah Rendah Tentera Laut Diraja Brunei

“ Hanya kerana belajar itu susah tetapi ianya tidak mustahil untuk berusaha dengan gigih demi mencapai kejayaan.



### Penerima AIPC-DANA bagi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR)

**Sharifah Ameerah Arissa binti Syed Mahazir**  
Tingkerbell Learning School

“ Hanya kerana gagal sekali tidak bermakna anda akan gagal dalam segala-galanya.

Setiap seorang menerima sijil penghargaan, seunit komputer berserta mesin pencetak, dan juga pakej kemudahan belajar selama dua tahun dalam bentuk wang tunai bernilai BND400.00.

## Penerima AIPC-DANA 2024 bagi Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah 6 (SSSRU)



### Penerima AIPC-DANA bagi Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah 6 (SSSRU)

**Nurin Batrisyia Zahraa' binti Abdullah**  
Sekolah Ugama Keriam



Usaha dan belajar sebaikmana yang kamu dapat. Yakin pada diri sendiri. In Sha Allah kamu akan beroleh keputusan yang cemerlang.



### Penerima AIPC-DANA bagi Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah 6 (SSSRU)

**Nur Hasinah binti Lamat**  
Sekolah Ugama Rimba II



Belajar tidaklah merugikan diri sendiri, tingkatkan usaha dan pasti akan berjaya walaupun kegagalan akan menjadi sebahagian daripada hidup untuk mencapai kejayaan.



### Penerima AIPC-DANA bagi Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah 6 (SSSRU)

**Siti Nurmu'tazzah binti Abdullah Muhammad Nur Azro Azharuddin**  
Sekolah Ugama Lambak Jalan Bedil



Belajarlah dengan besungguh-sungguh dan bijak. Setiap orang pasti pernah merasakan kegagalan dalam hidup mereka, teruskan berusaha dan buat yang terbaik.



### Penerima AIPC-DANA bagi Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah 6 (SSSRU)

**Muhammad Iqbal Asmawi bin Muhammad Kamarul Hazim**  
Sekolah Ugama Lamunin



Teruskan berusaha untuk mencapai kejayaan. Belajar bersungguh-sungguh demi masa depan serta menjadi kebanggaan ibu-bapa.



### Penerima AIPC-DANA bagi Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah 6 (SSSRU)

**Mohammad Syukri bin Abdullah**  
Sekolah Ugama Tanah Jambu



Teruslah berusaha dalam mengejar cita-cita, jangan mudah berputus asa dalam pelajaran dan sentiasa yakin dengan ketentuan Allah. Rintangan / kegagalan bukanlah noktah untuk mencapai kejayaan.

Setiap seorang menerima sijil penghargaan, seunit komputer berserta mesin pencetak, dan juga wang simpanan sebanyak BND500.00 yang dikreditkan terus ke Akaun DANA masing-masing di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei.

# DANA Menghargai Sumbangan Ikhlas dan Berterusan daripada Para Penyumbang

Sumbangan ikhlas dan berterusan daripada para penyumbang telah membantu Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-anak Yatim (DANA) melaksanakan pelbagai program bagi membantu mempertingkatkan kesejahteraan hidup anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam.

## Persatuan Fu Zhou Shiyyi (Brunei); Persatuan Alumni Sultan's Scholars; Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah

Pada 22 Ramadan 1445 bersamaan 2 April 2024, Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) telah menerima sumbangan keseluruhan berjumlah BND75,381.00 daripada para dermawan yang terdiri daripada:



Persatuan Fu Zhou Shiyyi (Brunei) yang diwakili oleh seramai 92 orang ahli-ahli yang terdiri daripada syarikat perniagaan dan individu menyumbangkan keseluruhannya sebanyak BND72,751.00.



Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah menyampaikan sumbangan sebanyak BND1,460.00 iaitu sebanyak 8% daripada kutipan acara walkathon sekolah. Sumbangan disampaikan oleh Yang Mulia Dayangku Zalina binti Pengiran Haji Aliuddin, Timbalan Pengetua Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.



Alumni Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah menyampaikan sumbangan sebanyak BND1,170.00 yang disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Hafizah binti Dato Paduka Haji Mohd Nor, Naib Yang Di-Pertua Persatuan Alumni Sultan's Scholars.

Kesemua sumbangan diterima oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II yang juga Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah.



### Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sendirian Berhad dan anak-anak syarikatnya

Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sendirian Berhad dan anak-anak syarikatnya menyumbangkan sebanyak BND4,460.45 yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi Kedua selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Takaful Brunei semasa Majlis Khatam Al-Quraan anjuran syarikat berkenaan yang diadakan pada 23 Ramadan 1445 bersamaan 3 April 2024, di Masjid Ash-Shaliheen di Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan.



### Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan anak-anak syarikat Perbadanan TAIB

DANA menerima sumbangan berjumlah BND130,000.00 daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan anak-anak syarikat Perbadanan TAIB. Daripada jumlah tersebut, sebanyak BND100,000.00 adalah sumbangan daripada Perbadanan TAIB, iaitu sumbangan bagi caruman Pelan Takaful Siswa bagi anak-anak Yatim untuk semua anak-anak yatim yang berdaftar dengan Sekretariat DANA bagi tahun 2024. Sebanyak BND10,000.00 lagi disumbangkan oleh Insurans Islam TAIB Takaful Keluarga Sdn Bhd dan Insurans Islam TAIB Takaful Am Sdn Bhd menyumbangkan sebanyak BND10,000.00, iaitu sumbangan tahunan daripada syarikat berkenaan. Manakala Darussalam Holdings Sendirian Berhad pula menyumbangkan sebanyak BND10,000.00 yang juga merupakan sumbangan tahunan syarikat berkenaan. Kesemua sumbangan tersebut disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB semasa Majlis Tadarus Al-Quraan sempena bulan Ramadan anjuran TAIB yang diadakan pada, 25 Ramadan 1445H bersamaan 5 April 2024M di Masjid Kampung Penabai Tutong.



### Kedutaan Besar Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam

Sejumlah BND18,000.00 disumbangkan oleh Kedutaan Besar Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam pada 25 Ramadan 1445 bersamaan 5 April 2024, di Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Jerambak. Sumbangan tersebut diterima oleh Yang Mulia Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.



## Sumbangan Persatuan, Badan Amal dan Syarikat

Semasa Majlis Penyampaian Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim 2024 (AIPC-DANA 2024) yang berlangsung pada 6 Zulhijjah 1445 bersamaan 13 Jun 2024, DANA juga menerima sumbangan daripada beberapa penyumbang yang menyumbangkan keseluruhan berjumlah sebanyak BND7,650.00:



Kesemua sumbangan tersebut telah diterima oleh Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



Kumpulan Isteri Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli-ahli Bersekutu menyumbangkan sebanyak BND3,500.00. Sumbangan disampaikan oleh Yang Mulia Datin Hajah Nahriah binti Haji Hasbi @Asbi selaku Pengerusi II Kumpulan (isteri Menteri Hal Ehwal Ugama).



International Women's Club Brunei menyumbangkan sebanyak BND1,650.00. Sumbangan disampaikan oleh Yang Mulia Ungku Datin Hajah Fanzah binti Ungku Osman, Presiden International Women's Club Brunei.



Syarikat Pasar Raya Pertama (cawangan Madang) menyampaikan sumbangan sebanyak BND1,000.00. Sumbangan disampaikan oleh Yang Mulia Mr. Lim Kian Seng, Pengurus Syarikat Pasar Raya Pertama (cawangan Madang).



Badan Kebajikan Pekerja Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKPYSHHB) memberikan sumbangan sebanyak BND1,000.00. Sumbangan disampaikan oleh Yang Mulia Awang Ahmad Rithaudin bin Haji Sabtu selaku Yang Di-Pertua BKPYSHHB.

Tabung Derma Khairat Pekerja-Pekerja Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TADEKHA) menyumbangkan sebanyak BND500.00. Sumbangan disampaikan oleh Yang Mulia Awang Ahmad Rithaudin bin Haji Sabtu selaku Ketua Jawatankuasa Pengurusan TADEKHA.



### Bank Islam Brunei Darussalam

Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menyumbangkan sebanyak BND3,000.00 yang disampaikan oleh Yang Mulia Awang Junaidi bin Haji Masri, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD semasa Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Anjuran BIBD yang diadakan pada 15 Syawal 1445 bersamaan 25 April 2024 di Dewan Indera Samudra Grand Hall, The Empire Hotel & Country Club di Jalan Jerudong. Sumbangan diterima oleh Yang Mulia Awang Samsudin bin Haji Puasa, Pemangku Penolong Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah bagi mewakili Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.

### Alumni Penuntut-Penuntut Asrama Kerajaan Brunei-Singapura



Alumni Penuntut-Penuntut Asrama Kerajaan Brunei Singapura (AKBS) menyumbangkan sebanyak BND4,610.00. Sumbangan disampaikan oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Jaafar selaku Ahli AKBS kepada Yang Mulia Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA pada 9 Syawal 1445 bersamaan 19 April 2024, di Ibu Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah di Jalan Perdana Menteri.



### Jabatan Perkhidmatan Awam

Jabatan Perkhidmatan Awam menyampaikan sumbangan sebanyak BND1,140.00 iaitu hasil kutipan daripada Acara Riadah Amal Sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-30 bagi tahun 2023. Sumbangan disampaikan oleh Yang Mulia Awang Ajman bin Haji Meludin, Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri pada Majlis Penyerahan Kutipan Amal Sempena Hari Perkhidmatan Awam yang diadakan pada 16 Zulkaedah 1445 bersamaan 25 Mei 2024 di Dewan Serba Guna At-Taqwa, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri di Jalan Perdana Menteri.

# Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Terus Menjadi Destinasi Kunjungan Para Pelawat

Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) yang telah dibuka bagi kunjungan para pelawat pada awal tahun 2020 terus menerima kunjungan para pelawat dari dalam dan luar negara. Terletak di Rumah Semaun yang mempunyai seni bina bangunan yang unik dan menarik, Galeri PPKKI-YSHHB mempamerkan karya-karya kaligrafi dan produk hiasan Islam tempatan dan antarabangsa di samping paparan sejarah perkembangan tulisan jawi dan kaligrafi Islam merentas zaman pemerintahan sultan-sultan di Negara Brunei Darussalam.

Sepanjang bulan April hingga Jun 2024, PPKKI-YSHHB telah menerima kunjungan pelawat dari dalam dan luar negara termasuk para pelajar, iaitu:

## April

- 15 Syawal 1445 bersamaan 25 April 2024 – Seramai empat orang delegasi dari Singapura yang mengikuti the Singapore-Brunei Young Leaders' Programme (YLP)
- 19 Syawal 1445 bersamaan 29 April 2024 – Pegawai Eksekutif Tentera Republik Filipina, Colonel Harold Anthony F Pascoa berserta seramai sembilan orang rombongan Pegawai Pertahan yang dalam rangka lawatan kerja bagi mengikuti Mesyuarat Pertukaran Perisikan Dua Hala (INTELEX)



## Mei

- 21 Syawal 1445 bersamaan 1 Mei 2024 – Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam dan rombongan. Lawatan perkenalan bagi mempromosikan persefahaman dan pertukaran budaya antara Republik Rakyat China dan Negara Brunei Darussalam khususnya dalam bidang kesenian Islam
- 24 Syawal 1445 bersamaan 7 Mei 2024 – Rombongan daripada Yayasan Kejayaan Mualaf Indonesia dan Universitas Nahdlatul Ulama Kalimantan Barat Indonesia yang membuat lawatan muhibbah ke Negara Brunei Darussalam atas jemputan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)



## Mei

- 8 Zulkaedah 1445 bersamaan 17 Mei 2024 – Rombongan daripada National Security Intelligence (NSI), Republic Rakyat Bangladesh yang dalam rangka lawatan kerja ke Negara Brunei Darussalam
- 11 Zulkaedah 1445H bersamaan 20 Mei 2024 - Yang Mulia Puan Alyce Chipman, isteri kepada Marsyal Udara Robert Chipman, Ketua Tentera Udara Diraja Australia (RAAF) bersama rombongan yang diiringi oleh Yang Mulia Datin Noraidah binti Haji Ibrahim, isteri kepada Pemerintah Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB)
- 20 Zulkaedah 1445 bersamaan 29 Mei 2024 – Delegasi dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi United Kingdom yang dalam rangka lawatan kerja ke Negara Brunei Darussalam



## Jun

- 4 Zulhijjah 1445 bersamaan 11 Jun 2024 - Lawatan sambil belajar daripada seramai 18 orang pelajar Sekolah Menengah Rimba II yang mengikuti Kelab Young Adventure berserta tenaga pengajar
- 13 Zulhijjah 1445 bersamaan 20 Jun 2024 - Yang Mulia Puan Panyada Noonpackdee, isteri kepada Tuan Yang Terutama Jeneral Songwit Noonpackdee, Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Thailand bersama rombongan dan diiringi oleh Yang Mulia Datin Dayang Ummisyafinah binti Haji Zaini, isteri kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB)
- 14 Zulhijjah 1445 bersamaan 21 Jun 2024M – lawatan sambil belajar daripada rombongan pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Singapore Management University (SMU) yang mengikuti program Student Ambassadors UBD - Global Discovery Programme (GDP): Introduction to Digital Transformation eBusiness





## Kemeriahan Suasana Hari Keluarga TASKA

Sifat kasih sayang amat penting dalam pembimbingan sebuah keluarga yang kukuh, bahagia dan harmoni. Pada 1 Zulhijjah 1445 bersamaan 8 Jun 2024, kira-kira 400 orang murid dari Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA) bersama keluarga mereka menghadiri Sambutan Hari Keluarga TASKA di The Collonade, Phase 1 Wonder Park, Jerudong Park Playground.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan sambutan Hari Keluarga itu ialah Yang Mulia Dayang Hajah Suciyati binti Haji Sulaiman, Pengerusi Persatuan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang diikuti dengan bacaan doa khas bagi rakyat-rakyat Palestin.

Turut hadir ialah Yang Mulia Dayang Chong Li Chen, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Yang Mulia Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi, Pengetua TASKA.

Dengan tema 'Candy Wonderland', acara sambutan Hari Keluarga TASKA dimeriahkan dengan sesi senamrobik beramai-ramai dan pelbagai aktiviti permainan sukan kreatif yang bersesuaian daripada pondok-pondok lolipop, cupcake, ice-cream dan cotton candy.

Antara lain tujuan acara itu adalah untuk menjana keseimbangan kegiatan kurikulum luar sekolah untuk meningkatkan sahsiah rohani, jasmani dan sosialisasi murid-murid TASKA, di samping membudayakan kehidupan yang sihat dengan melakukan aktiviti-aktiviti beriadah bersama keluarga sekali gus mengeratkan silaturahim di antara warga TASKA dan keluarga murid-murid TASKA.





## Sukan Tahunan dan Olahraga Sekolah Rendah

Rumah Kuning berjaya merangkul gelaran juara keseluruhan kejohanan sukan olahraga dalam Kejohanan Sukan Olahraga dan Pertandingan Persembahan Pergerakan Berirama Antara Rumah-rumah Sukan Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 2024.

Kejohanan yang berlangsung pada 16 Zulkaedah 1445 bersamaan 25 Mei 2024 di Kompleks Padang Kebajikan, Berakas itu dirasmikan oleh Yang Mulia Pengiran Hira bin Pengiran Haji Mohd Omar, Timbalan Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Dalam kejohanan tersebut, Rumah Kuning telah berjaya mengutip 17 emas, lapan perak dan 12 gangsa dalam acara olahraga balapan yang dipertandingkan iaitu larian 100 meter, 200 meter dan 4 x100 meter lelaki dan perempuan.

Sementara itu, naib johan adalah Rumah Biru dengan mengutip sembilan emas, 15 perak dan sembilan gangsa, manakala Rumah Merah menduduki tempat ketiga dengan mengutip sembilan emas, 10 perak dan 10 gangsa. Rumah Unggu pula berada di tempat keempat dengan enam emas, sembilan perak dan 11 gangsa.

Manakala itu, Pertandingan Persembahan Pergerakan Berirama pula dimenangi oleh Rumah Biru dengan mata kutipan 95 peratus.

Antara lain objektif acara tersebut adalah untuk mendidik pelajar bersaing secara positif dan bersemangat, di samping terus kekal sihat, minda cerdas serta mencungkil bakat pelajar dalam acara sukan balapan dan padang.

Kejohanan berkenaan melibatkan 800 orang pelajar Tahun 3 hingga 6. Turut hadir ialah Yang Mulia Chong Li Chen, Pemangku Pegawai Eksekutif Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Yang Mulia Hajah Mariam binti Haji Ladi, Pengetua Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, serta ibu bapa pelajar.





## Program 'Reef Fabricator'

Dalam memupuk para belia dengan lebih mendalam mengenai isu-isu marin dan menggalakkan penyertaan proaktif dalam melindungi sumber laut negara yang tidak ternilai, pada 12 Zulkaedah 1445 bersamaan 21 Mei 2024, seramai 22 orang pelajar Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mengikuti *Reef Fabricator Programme* untuk menunjuk ajar tentang batu karang dan kepentingan dalam menyelamatkan terumbu di negara ini. Program diadakan di padang Dewan Sukan Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Para pelajar diberikan taklimat mengenai penemuan terumbu di persekitaran perairan lautan Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Athirah, pegawai dari Poni Divers. Para pelajar diberikan pengalaman secara *hands-on* dalam pembuatan bebola terumbu seberat 20 kilogram dan seterusnya diberikan penerangan mengenai resipi dan metodologi terumbu.

Program diikuti dengan ucapan taklimat mengenai kepentingan kehidupan marin dan kesedaran mengenai perubahan iklim dan pencemaran yang disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Chong Li Chen, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para pelajar yang mengikuti program tersebut.





# Direktori Usahawan Bekarjih

Skim Kebajikan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah



## Makanan & Minuman

### ABDUL QAYYUM HAIKAL ENTERPRISE

Dayangku Sarayahati binti Pengiran Matusop  
Makanan  
FB: Mummy Qyum Kitchen  
IG: Pgsaraya176  
W: 819 1056 / 825 1056

### BUJAL FOOD PORTAL

Noorfarizal bin Haji Manaf  
Makanan Indonesia

IG: Bujalfoodportal.bn  
W: 739 1542 / 893 5300

### CRAVING.BN

Siti Nurul Rabbiah binti Haji Jafri  
Makanan dan minuman  
FB: Craving BN  
IG: Craving BN  
W: 883 0504

### GDAH LEE & ANAK ANAK

Juraidah binti Haji Mahit  
Makanan  
FB: Juraidah hj mahit  
IG: Juraidah.signature  
W: 812 9497 / 727 6044

### GERAI WAWA KG SG PANDAN

Haji Mohd Sastri bin Haji Jahri @ Azahari  
Makanan dan minuman

W: 880 8934

### HANAMEY ENTERPRISE

Nur Raffhanah binti Abdullah @ Goh Poh Ling  
Makanan dan minuman

IG: Hanamey\_homemade  
W: 864 4016

### HJH AINAH ARIF ENTERPRISE

Hajah Norinah binti Haji Rabaha  
Makanan dan kek

W: 721 9296

### KAK C.T RESTAURANT

Pengiran Mohammad Saiful bin Pengiran  
Haji Bungsu  
Makanan (Nasi Katok)  
FB: Gerai cpul  
IG: Geraicpul  
W: 721 0051 / 816 0900

### KASK CAFE DAN CATERING

Khairul Azli bin Japar  
Makanan dan minuman

W: 889 9937

### KEUSAHAWANAN WARISAN KITANI ENTERPRISE

Ahmad @ Abu Bakar bin Kahar  
Makanan

W: 864 0652

### MINIBITES BY YUNE

Nurul Ayyuni binti Jaidi  
Biskut dan kek

IG: Minibites.by.yune  
W: 818 4425

### ONNIE RESTAURANT DAN CATERING

Pengiran Norhanani binti Pengiran Sabli  
Makanan  
IG: Onniefoods

W: 878 7472

### PERUSAHAAN HAZIQ MUKHRIZZ & ADIK BERADIK

Romei bin Awang Besar  
Makanan dan minuman

W: 736 6684

### PERUSAHAAN KUYA PANDESAL

Nurul Faizatul Hakimah binti Abdullah  
Makanan  
FB: Kuya Pandesal  
IG: Kuya\_pandesal  
W: 890 3695

### SAYANGKU IBUNDA ENTERPRISE

Vivy Suryani binti Abdullah  
Makanan  
FB: Suryani Abdullah  
IG: Sayangku\_ibunda\_enterprise  
W: 892 0042 / 726 3542

### SYARIKAT DY SAMAH @SALMAH BINTI AHMAD DAN ANAK-ANAK

Dayang Samah @ Salmah binti Ahmad  
Makanan

W: 861 9450

### SYARIKAT HASNANE 227

Norrosnani binti Haji Matzin  
Makanan  
FB: Hasnane Kitchen

W: 864 3845

### SYARIKAT MURAH BINTI DULLAH

Murah binti Dullah  
Salaian dan Pais

W: 887 8534

### SYARIKAT NORHAMIZAH DAN ANAK- ANAK

Norhamizah binti Tengah  
Makanan  
IG: Nurcahaya3103

W: 835 1509

### SYARIKAT RIZQ'AISY

Ashmeranni binti Haji Mat Sani  
Makanan dan minuman  
FB: Mera Minan  
IG: Rizqaisybn  
W: 721 0232

### YUMMIE CHEEZE ENTERPRISE

Hajah Zaihani binti Haji Jambol  
Makanan  
FB: Sonata cheese  
IG: Sonata\_cheeze  
W: 710 6412



### WARUNG DAHAR SOPOKONDO

Pengiran Mohammad bin Pengiran Haji Jaludin  
Nasi Katok  
FB: Dahar Sopokondo  
IG: Dahar\_Sopokondo  
W: 826 9553 / 837 9553

### LANIEMAI\_BUNDLE

Mainon binti Haji Awang Besar  
Bundle tekstil  
FB: Laniemai bundle  
IG: Laniemai\_bundle  
T: Laniemaibundle  
W: 864 4016

### SPICECRIES AGROFARM

Mohamad Jasni bin Haji Mohamad Imran  
Pertanian  
IG: Spicecries  
W: 880 9890

### 3 SON'S ENTERPRISE

Isah Masniah binti Haji Morney  
Makanan

IG: Cakoitigarasa  
W: 892 0078

### 8FBOUTIQUE

Nurafhny binti Abdul Rahman  
Pakaian dan tekstil

IG: 8fboutique  
W: 860 0505

## Pertukangan

### AE JAYA ENTERPRISE

Ajis bin Awang Dollah  
Pembuatan perabot

IG: Aejaya\_tukang  
W: 726 1795

## Pakaian

### HIEZAH ENTERPRISE

Norizah binti Awang Matnor  
Menjahit

W: 821 5270

### INDAH M&N ENTERPRISE

Noraini binti Haji Samat  
Kain tenunan

W: 890 3793

## Pertanian

### HAZIYAH AGRO FARM

Nur Haziyah binti Abdul Rahman @ Enya  
Anak Iri  
Ternakan Itik dan Telur Masin  
FB: Telur Masin Temburong  
IG: Telurmasin.temburong  
W: 712 5122

### SYARIKAT ABD RAHIM RABAIE SERTA KELUARGA

Pengiran Noraini binti Pengiran Sabli  
Pembekal Pisang

W: 734 6734

## Kepelbagaian

### SYARIKAT DAYANG MILAH & ANAK-ANAK

Milah binti Haji Masri  
Biskut, aksesori dan tekstil

W: 710 6412

### ZB FAMILY'S ENTERPRISE

Betty Santee binti Abdullah  
Jahitan dan makanan

W: 863 7252





## VISI

# Masyarakat Mandiri

## MISI

# Menguruskan Amal Jariah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan ahli-ahli keluarga Baginda secara profesional, berwawasan dan berdaya usaha untuk mencapai kesempurnaan kehidupan.

### **Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah**

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BA 1511  
Negara Brunei Darussalam

# yshhb.org.bn

Facebook: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Instagram: yshhb\_official

### **Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah**

Tingkat 3, Blok B,  
Jalan Pretty, Bandar Seri Begawan  
BS8711, Negara Brunei Darussalam  
T: 2232 731 – 737

Facebook: The Yayasan Shopping Complex Instagram: theyayasancomplex

### **Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah**

Simpang 336-71  
Jalan Kebangsaan, Sungai Akar  
BC4115, Negara Brunei Darussalam  
T: 2382 100

Facebook: Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Instagram: syshhb.ig

### **Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam**

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Rumah Semaun, Jalan Jerembak  
BA1511, Negara Brunei Darussalam  
T: 2234 014

Facebook: khatcentre.bn

Instagram: Khat Centre Bn